

BAB IV

REAKSI PERJUANGAN

Halatuju Perjuangan

Terdapat satu perubahan ketara berkenaan halatuju perjuangan Melayu Patani sekitar tahun 1946-47. Perjanjian Damai yang ditandatangani pada 1 Januari 1946 telah mengecewakan masyarakat Melayu. Perjanjian ini sebenarnya telah mengukuhkan hak kerajaan Thai ke atas wilayah-wilayah Selatan. Sekaligus, menggagalkan segala usaha Tengku Mahmood sewaktu bekerjasama dengan pihak British dalam Perang Dunia Kedua.¹

Kegagalan Tengku Mahmood juga menyebabkan masyarakat Melayu Patani seolah-olah mengharapkan kepimpinan ulama' dalam meneruskan kesinambungan perjuangan politik mereka. Era selepas Perang Dunia Kedua ini menyaksikan golongan ulama' mula menyerlah terutama menerusi kepimpinan Haji Sulong.²

Sekitar bulan Oktober 1947, wartawan Inggeris, Barbara Whittingham-Jones,³ telah datang melawat Patani. Beliau mengambil kesempatan untuk bertemu Haji Sulong. Wartawan ini kemudiannya telah dibawa melawat tempat-tempat bersejarah di sekitar

¹ Mohd. Zamberi A. Malek, *Harimau Malaya : Biografi Tengku Mahmood Mahyideen* (Bangi : Penerbit UKM, 1999), hlm. 54-78.

² Nik Anuar Nik Mahmud, *Sejarah Perjuangan Melayu Patani 1785-1954* (Bangi : Penerbit UKM, 1999), hlm. 61. Pemimpin Melayu menjangka Thailand yang menyokong Jepun semasa perang akan dihukum oleh pihak Berikat. Ini kerana kerajaan Thai pimpinan Phibul telah mengisyitiharkan berperang dengan Amerika Syarikat dan British pada 25 Januari 1942. Apabila pihak Jepun tewas dalam perang dunia, Thailand terpaksa menandatangani Perjanjian Damai. Perjanjian tersebut menyebabkan Thailand terpaksa menyerah semula Kelantan, Terengganu, Perak dan Perlis kepada British. Pada jangkaan tengku Mahmood, Patani akan turut disertakan Kedah dan Perlis kepada British. Pada penyerahan tersebut. Lihat juga Apierat Samail, Politik dan Islam di Narrathiwat, Thailand 1970-1980, Tesis Sarjana, Universiti Malaya, 1998, hlm. 50.

³ Mohd. Zamberi A. Malek, *Harimau Malaya*, hlm. 144. Whittingham-Jones merupakan rakan Tengku Mahmood di London. Beliau merupakan salah seorang penyokong kuat perjuangan masyarakat Melayu Patani di mana rumah beliau sendiri menjadi pusat kegiatan Persatuan Patani. Persatuan ini bergerak aktif dalam memperkenalkan Patani menerusi kebudayaan.

Patani, termasuk Kampung Belukar Semak tempat berlakunya pertempuran antara orang-orang Melayu Patani dengan anggota keselamatan Thai pada pertengahan tahun 1946. Hasilnya, berita kekejaman dan penindasan kerajaan Thai telah tersiar di dalam akhbar *Straits Times* pada 3 November 1947. Lantas dari itu, pergolakan di willyah Selatan mula mendapat perhatian dunia luar. Pada tahun yang sama, satu rayuan yang ditandatangani oleh 150,000 telah dihantar kepada Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Rayuan ini dibuat bagi memohon supaya diadakan referendum di bawah pengawasan antarabangsa bagi membolehkan penduduk tempatan di wilayah-wilayah Selatan membuat keputusan tentang pemilihan negara.⁴ Tindakan-tindakan ini telah mencetuskan kemarahan pihak pentadbir terhadap Haji Sulong.⁵

Pada masa yang sama, Thamrong Navasawat yang cuba menyelesaikan masalah di Selatan Thai telah digulingkan oleh junta tentera pimpinan Phin Chuhawan pada 8 November 1947.⁶ Junta tentera telah melantik Khuang Aphaiwoang yang mengetuai Parti Demokrat sebagai Pemangku Perdana Menteri sehingga pilihanraya umum diadakan pada bulan Januari 1948. Lebih malang lagi, Phibun, bekas Perdana Menteri sekitar 1938-1944 yang memimpin Parti Thammathipat telah dilantik semula sebagai Ketua Turus Angkatan Bersenjata Thailand.⁷

⁴ Yoneo Ishii, terj. Mohamed Yusoff Ismail, *Sejarah Sangha Thai : Hubungan Buddhisme dengan Negara dan Masyarakat* (Bangi : Penerbit UKM, 1993), hlm. 170.

⁵ Nik Anuar Nik Mahmud, *Sejarah Perjuangan Melayu Patani*, hlm. 64.

⁶ Frank Golay, *Underdevelopment and Economic Nationalism in Southeast Asia* (New York : Cornell University Press, 1969), hlm. 75. Dalam kekecohan tersebut, Pridi Banomyong dan Thamrong berjaya menyelamatkan diri dari ditangkap oleh junta tentera. Mereka telah memohon perlindungan di Kedutaan British. Dengan bantuan Duta British dan Amerika, Pridi dan Chaem telah belayar ke Singapura dan akhirnya menetap di China. Sementara Thamrong pula bersembunyi di pangkalan tentera laut di Sattahip.

⁷ John Coast, *Some Aspect of Siamese Politics* (New York : Institute of Pacific Relations, 1953), hlm. 46-51. Kepulangan semula Phibun Songgram di dalam arena politik kurang disenangi oleh kuasa-kuasa besar Eropah khususnya Britain, Amerika Syarikat dan Perancis. Mereka

Masyarakat Melayu Patani yang tertindas sewaktu pemerintahan Phibun dan Dasar Rathaniyomnya amat bimbang mengenai nasib mereka. Mereka begitu khawatir dasar yang menindas itu akan dihidupkan semula oleh kerajaan Thai. Ini menimbulkan ketegangan di wilayah-wilayah Selatan.

Berdasarkan keadaan tersebut, Ku Muda Putra, seorang anggota Majlis Perhimpunan, telah menasihatkan Kerajaan Thai agar menerima tuntutan Haji Sulong supaya diadakan satu sistem autonomi di wilayah-wilayah Selatan. Beliau menekankan bahawa masyarakat Melayu tidak berniat untuk memerdekaikan diri dari negara Thai. Apa yang mereka inginkan hanyalah kuasa autonomi untuk mentadbir sendiri wilayah mereka. Nik Anuar Nik Mahmud menjelaskan bahawa “apa yang mereka mahukan ialah sebuah rumah mereka sendiri tetapi dalam pagar yang sama.”⁸

Penyatuan Masyarakat Melayu Patani

Perubahan politik di Bangkok membuatkan Haji Sulong merasakan perlunya menyatukan pimpinan masyarakat Melayu. Perjuangan yang diketuai oleh Haji Sulong menghasilkan beberapa perubahan seperti dalam perundangan Islam dan pentadbiran tempatan. Sebagai contoh, jawatan Qadhi telah diadakan semula. Selain itu, hari Jumaat diisyiharkan sebagai hari cuti umum yang rasmi. Namun, perubahan yang dilaksanakan begitu perlahan

beranggapan tindakan tentera melakukan coup-de-tat amat bercanggah dengan prinsip demokrasi. Mereka bimbang Kerajaan Thai akan mengamalkan dasar ekonomi yang boleh menjaskan kepentingan mereka di negara itu sama seperti yang dialami pada era pemerintahan Phibun (1938-44). Kerajaan Perancis amat bimbang dengan kemunculan semula Phibun. Ini kerana terdapat kemungkinan Kerajaan Thai akan mengamalkan dasar *iridenta* ke atas wilayah Perancis di Indochina. Perancis mencadangkan agar kuasa-kuasa Barat memanggil pulang duta masing-masing dari Bangkok sebagai tanda bantahan mereka terhadap rampasan kuasa tersebut. Sekatan ekonomi turut dicadangkan jika Phibun dan rejim tentera terus berkuasa. Namun, Amerika dan Britain menolak cadangan-cadangan Perancis. Dua kuasa ini memutuskan untuk hanya tidak mengiktiraf kerajaan baru ini hingga ke pilihanraya berikutnya.

⁸ Nik Anuar Nik Mahmud, *Sejarah Perjuangan Melayu Patani*, hlm. 65.

hingga masyarakat Melayu tempatan menganggap ia hanyalah mainan politik pihak Thai.⁹

Kembalinya Phibun memaksa mereka menilai semula rancangan bagi mencapai matlamat perjuangan masyarakat Melayu. Haji Sulong merasakan keperluan untuk menyatukan kepimpinan masyarakat Melayu. Beliau telah mengadakan satu pertemuan dengan Tengku Mahmood Mahyideen pada 12 Disember 1947 di Pantai Semut Api, Kota Bharu, Kelantan. Pertemuan ini terpaksa diadakan bagi membincangkan rancangan untuk membebaskan Patani daripada Thai.¹⁰ Ia turut dihadiri oleh Tengku Abdul Kadir Putera dan Tengku Abdul Jalal.

Bagi Tengku Mahmood, hanya terdapat dua pilihan dalam permasalahan pembebasan Patani, cara penentangan bersenjata atau rundingan dengan pihak kerajaan Thai. Pengisytiharkan kemerdekaan merupakan alternatif terakhir.¹¹

Tengku Mahmood juga turut menjelaskan bahawa beliau pernah menerima sepucuk surat dari Pridi Banomyong. Surat itu menyatakan keinginan Pridi untuk mendapatkan bantuan dalam melancarkan *coup-de-tat* terhadap kerajaan pimpinan Phibun. Pridi berjanji akan melaksanakan tuntutan yang dikemukakan oleh Haji Sulong terutama permintaan di mana keempat-empat wilayah Selatan diberi kuasa memerintah. Walau bagaimanapun, pandapat pendapat Tengku Mahmood, masyarakat Melayu sebenarnya tidak mampu untuk

⁹ Uthai Dulyakasem, ‘Education and Ethnic Nationalism : A Study of the Muslim-Malays in Southern Siam’, Tesis Ph.D., Stanford University, 1981, hlm. 76.

¹⁰ Nik Anuar Nik Mahmud, *Sejarah Perjuangan Melayu Patani*, hlm. 66. Tengku Mahmood Mahyideen baru pulang dari Indonesia kerana mengikuti rombongan wartawan akhbar *Utusan Melayu* untuk meninjau perkembangan politik di sana. Semasa berada di Jakarta, Tengku Mahmood Mahyideen juga telah mengambil berbincang dengan pemimpin-pemimpin Indonesia, seperti Presiden Soekarno dan Timbalannya, Dr. Hatta tentang halatuju dan nasib masyarakat Melayu di Selatan Thai. Menerusi pertemuan itu, pemimpin Indonesia tidak dapat menyalurkan bantuan kepada perjuangan rakyat Patani kerana mereka sendiri sedang berjuang menguruskan hal ehwal dalam negeri. Walau bagaimanapun, mereka menentang Belanda dan menguruskan hal ehwal dalam negeri. Walau bagaimanapun, mereka mencadangkan agar Tengku Mahmood meminta bantuan pihak British.

¹¹ Ibid., hlm. 66.

menentang kerajaan Thai kerana kekurangan senjata dan ketiadaan sokongan masyarakat dunia.¹²

Dalam mesyuarat itu juga Tengku Mahmood Mahyideen menyatakan bahawa Khung-Aphaiwong pernah menjemput Haji Sulong dan beberapa orang pemimpin tempatan, termasuk beliau sendiri membincangkan masalah masyarakat Melayu.¹³ Tindakan untuk mengisyiharkan kemerdekaan sebenarnya tidak menguntungkan sekiranya tidak disokong oleh kuasa-kuasa utama dunia terutama British. Tengku Mahmood telah mencadangkan akan mereka berjuang secara rundingan dan berdasarkan sistem perundangan Thai.

Akhirnya, kesemua yang hadir bersepakat untuk menyokong cadangan Tengku Mahmood iaitu penyelesaian secara rundingan. Haji Sulong telah bersetuju melantik Tengku Mahmood sebagai wakil masyarakat Melayu Patani memandangkan pengalaman beliau yang luas di arena antarabangsa serta hubungan baik beliau dengan kerajaan British.

Haji Sulong seterusnya mengadakan perjumpaan dengan pimpinan tempatan di Patani. Beliau telah menerangkan keputusan mesyuarat serta cadangan-cadangan yang telah dipersetujui. Pemimpin-pemimpin masyarakat tempatan turut bersetuju dengan perlantikan Tengku Mahmood sebagai wakil mereka. Malah, mereka bersetuju untuk melantik Tengku Mahmood sebagai ketua negeri atau gabenor keempat-empat wilayah Selatan Thai andainya diberi sebagai ketua negeri atau gabenor keempat-empat wilayah Selatan Thai andainya diberi kuasa autonomi.

¹² Walaupun kerajaan British tidak mengiktiraf kerajaan pimpinan Aphaiwong yang disokong golongan tentera, British tidak akan menyokong sesuatu tindakan yang boleh menjelaskan kepentingan ekonomi British terutama kegiatan yang berkaitan dengan pembekalan dan pengeksportan beras. Tengku Mahmood merasakan bahawa orang-orang Melayu hendaklah terlebih dahulu berusaha menyelesaikan masalah itu secara perundingan dengan kerajaan Thai dan seterusnya cuba mendapatkan sokongan di peringkat antarabangsa.

¹³ Nik Anuar Nik Mahmud, *Sejarah Perjuangan Melayu Patani*, hlm. 67.

Haji Sulong telah menulis surat perlantikan rasmi dengan mendapat pengesahan dari empat puluh orang pemimpin Melayu tempatan (Lihat Lampiran 9). Surat inilah kemudiannya dijadikan isu oleh kerajaan Thai hingga membawa kepada penahanan Haji Sulong.

Penahanan Haji Sulong

Tindakan-tindakan Haji Sulong tersebut sebenarnya menimbulkan reaksi negatif dari para pegawai tempatan Thai di Patani. Bermula dengan laporan Barbara Whittingham-Jones hinggalah keupayaan beliau menyatakan saf kepimpinan masyarakat Melayu Patanu, telah menimbulkan keresahan para pegawai tersebut. Mereka telah mendesak Gebenor Patani mengeluarkan surat arahan penangkapan Haji Sulong.

Beliau telah ditangkap pada hari Jumaat, 16 Januari 1948. Beliau didakwa terlibat dalam rancangan untuk memisahkan wilayah-wilayah Selatan serta cubaan untuk menubuhkan pasukan gerila yang bertujuan untuk menimbulkan kekacauan.

Terdapat laporan kepada kerajaan Thai yang menyatakan bahawa ada unsur-unsur yang berpengaruh berada di belakang penentangan tersebut.¹⁴ Unsur berpengaruh tersebut dikatakan didalangi kepimpinan Majlis Ugama Islam Patani yang diketuai oleh Haji Sulong.

Atas alasan itu, Haji Sulong ditangkap pada hari Jumaat , 16 Januari 1948 atas dakwaan mengkhianat. Dengan penangkapan itu, kerajaan Thai berharap gerakan-gerakan penentangan dapat ditamatkan sebelum ia tersebar luas.

Haji Sulong telah ditahan di sebuah penjara di Nakhon Sri Thammarat dan tidak dibenarkan diikat jamin. Selepas beberapa lama, beliau didakwa di mahkamah wilayah

¹⁴ Uthai Dulyakasem, ‘Education and Ethnic Nationalism’, hlm. 76.

tersebut.¹⁵ Buku *Gugusan Cahaya Keselamatan* yang terkenal itu turut ditulis pada waktu itu. Menerusi buku tersebut, beliau turut menyelitkan peristiwa-peristiwa yang berkaitan penangkapan beliau. Haji Sulong menulis mengenai penangkapan tersebut :

“Pada hari Jumaat 16 Januari 1948, berserta dengan beberapa orang mata-mata kaum rumah saya ia-lah pesurohnya daripada Piaratna Pakdi, Pesuruhjaya Patani serta membawa surat memberi perentah suroh tangkap saya dan suroh pereksa bielek2 rumah dengan sebab saya membuat surat wakil kapada Tengku Mahmood ... Maka dengan sebab surat wakil itu-lah boleh Kaluwong (Pesuruhjaya) memberi perentah suroh tangkap saya ini...”¹⁶

Jika dilihat menerusi penulisan beliau, hubungannya dengan Tengku Mahmood sebenarnya telah dijadikan alasan. Haji Sulong turut berpendapat bahawa penahanannya juga bermotifkan politik terutama berkaitan dengan isu pilihan raya yang dijadual akan dijalankan pada akhir bulan Januari 1948.¹⁷

Beberapa hari kemudian, kerajaan Thai telah mengeluarkan satu kenyataan sebagai satu respon berhubung dengan penahanan Haji Sulong. Pihak Thai berharap yang ianya akan meredakan keadaan terutama dalam cubaan menafikan bahawa Haji Sulong ditangkap atas faktor keagamaan.

¹⁵ Ibid., hlm. 80. Pihak pendakwa meminta beliau tidak dibicarakan di Patani. Ini kerana tertuduh (Haji Sulong) merupakan seorang yang sangat berpengaruh di sana. Jesteru itu, mereka beranggapan adalah sukar untuk mendapatkan saksi-saksi yang bebas dari sebarang pengaruh. Lihat

¹⁶ Nik Anuar Nik Mahmud, *Sejarah Perjuangan Melayu Patani*, hlm. 68.

¹⁷ Ibid., 68.

Kenyataan itu berbunyi :

“Mengikut bagaimana yang kerajaan tangkap dan tahan Haji Sulong bin Haji Abdul Kadir pada hari Jumaat 16 haribulan Mokomon 2491 itu ialah disebabkan Haji Sulong menjalankan perkerjaan yang salah bagi undang-undang kerajaan dengan secukupnya terang serta cukup dengan beberapa keterangan ... Adapun yang kerajaan tahan Haji Sulong bin Haji Abdul Kadir di dalam tahanan itu tidak sekali2 bersabit dengan perkara agama.”¹⁸

Setelah ditangkap, Haji Sulong tidak dibenarkan diikat jamin. Mahkamah kemudiannya menolak tuduhan mengkhianat yang dikenakan ke atas Haji Sulong. Haji Sulong kemudiannya telah dipindahkan ke Nakhon Sri Thammarat di atas permintaan pihak pendakwaraya atas alasan tertuduh merupakan seorang yang amat berpengaruh di Patani dan saksi-saksinya hendaklah bebas daripada sebarang pengaruh. Bagaimanapun perbicaraan itu terpaksa ditangguhkan kerana saksi kerajaan, Gabenor Phraya Ratanapkadi tidak dapat menhadirkan diri.

Apabila perbicaraan disambung, Haji Sulong dikenakan hukuman penjara tujuh tahun atas kesalahan menghasut penduduk menentang kerajaan menerusi risalah yang disebarluaskan kepada penduduk tempatan.¹⁹ Rayuan yang dikemukakan oleh peguam beliau telah ditolak oleh mahkamah.

¹⁸ Ibid.

¹⁹ Ibid., hlm. 69.

Reaksi Masyarakat Melayu Terhadap Penahanan Haji Sulong

Keengganan mahkamah Thai membenarkan Haji Sulong diikat jamin dan seterusnya mengenakan hukuman 7 tahun penjara menimbulkan kemarahan masyarakat Melayu. Satu demonstrasi telah berlaku di hadapan Pejabat Gabenor Thai di Patani. Demonstrasi masyarakat Melayu tempatan ini diketuai oleh Wan Osman dan Wan Muhammad Amin. Pihak berkuasa Thai telah bertindak dengan memberkas kedua-dua mereka bersama puluhan yang lain. Malah terdapat orang-orang Melayu yang ditembak atau hilang.²⁰

Ketegangan ini membuatkan kerajaan Thai memperketatkan kawalan di sempadan Kelantan-Narathiwat. Pengeluaran pas sempadan turut dihentikan. Ini menimbulkan kebimbangan di kalangan penduduk tempatan. Gerakan-gerakan bersenjata dan persilatan seperti Kumpulan Parang Panjang, Kumpulan Sabillah, Kumpulan Selendang Hitam dan Kumpulan Selendang Merah telah ditubuhkan di wilayah Patani, Yala dan Narathiwat. Gabungan kumpulan-kumpulan ini telah melakukan serangan ke atas beberapa balai polis di kawasan pedalaman. Sekolah-sekolah dan bangunan kerajaan turut menjadi sasaran serangan dan ada yang dibakar. Pertempuran bersenjata dengan polis dan tentera Thai turut berlaku dan suasana menjadi semakin serius.²¹

Melihatkan keadaan yang tidak terkawal itu, Tengku Mahmood telah meminta Tengku Abdul Jalal menubuhkan sebuah jawatankuasa bagi menangani masalah ini.²² Ia dinamakan "Jawatankuasa Perwakilan Orang-Orang Melayu Selatan Siam". Tujuan

²⁰ Ibid.

²¹ Ibid., hlm. 70.

²² Ibid. Beliau bimbang sekiranya satu tindakan tidak diambil untuk membebaskan Tuan Guru Haji Sulong serta rakan-rakannya daripada tahanan, kemungkinan besar kekacauan akan berlaku di wilayah tersebut.

utamanya adalah untuk menjaga kebijakan masyarakat Melayu Patani terutama para pemimpin yang ditangkap.²³

Pada 16 Februari 1948, Jawatankuasa ini telah menghantar perutusan kepada Khuang Aphaiwong. Mereka meminta agar Haji Sulong dan para pemimpin lain dibebaskan dari penjara. Antara kandungan perutusan ini ialah :

“ Pertimbangan penangkapan dan penahanan Haji Sulong dan lain-lain sebagai bertentangan dengan prinsip keadilan. Selepas satu bulan dalam tahanan belum ada tuduhan terhadap mereka. Bukti menunjukkan kekerasan dan ancaman untuk merekakan tuduhan terhadap mereka. Kami meminta mereka dibebaskan segera.”²⁴

Satu memorandum turut dihantar kepada Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Tengku Mahmood meminta badan dunia tersebut campur tangan agar keadaan tidak menjadi lebih serius. Beliau juga meminta kerajaan British dan Perancis tidak mengiktiraf rejim Khuang Aphaiwong sekiranya Haji Sulong dibebaskan.

Jawatankuasa berkenaan turut meminta agar diadakan satu pungutan suara diadakan di wilayah-wilayah Selatan. Dua alternatif dicadangkan, berada di dalam pemerintahan Thai atau menyertai Persekutuan Tanah Melayu. Dalam pada itu, satu kenyataan yang dinamakan “Bumiputra Patani” menyeru mayarakat Melayu Patani untuk berjuang menuntut kebebasan dan keadilan.

²³ Ibid.

²⁴ Ibid.

Penubuhan Gabungan Melayu Patani Raya (GEMPAR)

Dalam mengukuhkan perjuangan tersebut, seramai 200 orang pemimpin masyarakat Melayu Patani telah mengadakan perjumpaan di Kota Bharu pada 5 Mac 1948. Kesemua yang hadir telah bersetuju untuk menubuhkan "Gabungan Melayu Patani Raya" atau GEMPAR yang bertujuan menyusun semula strategi perjuangan mereka. Ia telah didaftarkan sebuah pertubuhan kebajikan dan menyenaraikan 20 perkara dalam manifesto pertubuhan tersebut (Lihat Lampiran 10).

Matlamat GEMPAR boleh diringkaskan kepada beberapa isu penting.²⁵ Antara lain menyatukan keempat-empat wilayah bermajoriti Melayu sebagai sebuah negara Islam dan membebaskan orang-orang Melayu dari penghinaan, penindasan dan penganiayaan ke atas diri, bangsa dan agama Islam. Perkara kedua yang ditekankan ialah mewujudkan pemerintahan di dalam negeri yang bersesuaian dengan kemajuan dan pendirian kebangsaan berciri kemelayuan dan adat-istiadat serta resam Melayu dan agama Islam. Isu ketiga adalah bertujuan untuk meninggikan taraf bangsa Melayu supaya setiap penduduk mendapat keertinggian sifat kemanusiaan, keadilan, kebebasan dan peluang pelajaran yang sesuai dengan perkembangan semasa dan peradaban.²⁶

Tujuan sebenar GEMPAR adalah untuk menyatukan masyarakat Melayu dalam saatu gerakan politik yang lebih tersusun. Tengku Mahmood melihat perlunya satu gerakan yang lebih formal dan tersusun.²⁷ Tengku Ismail bin Tengku Nik telah dilantik menjadi Presiden. Dua timbalannya terdiri dari Tengku Abdul Jalal bin Tengku Mutalib dan Nik

²⁵ Ibid., hlm. 71.

²⁶ Ibid.

²⁷ Nik Anuar Nik Mahmud, "Major Mahmood Mahyideen bin Almarhum Sultan Abdul Kadir Kamaruddin : Seorang Tokoh Tanah Air", *Malaya in History*, Vol. XXI, No. 1, Jun 1978, hlm. 46-47.

Mahmood bin Nik Abdul Majid. Sementara itu, Nik Mohammed bin Abdul Rahman dilantik menjadi Setiausaha.²⁸

Walaupun Tengku Mahmood memainkan peranan yang besar dalam penubuhan GEMPAR, beliau tidak menyandang apa-apa jawatan kerana kedudukan beliau sebagai Ahli Dewan Mesyuarat Negeri Kelantan.²⁹

Jika dilihat dari ringkasan matlamat GEMPAR, jelas bahawa pemikiran Haji Sulong berkenaan betapa perlunya memertabatkan Islam berlandaskan pembaharuan turut mempengaruhi mereka. Ini dapat dilakukan dengan penglibatan yang lebih tersusun dan sistematik terutama dalam menyatukan umat Melayu di Patani dan Tanah Melayu.³⁰

Reaksi Kerajaan Thai

Penahanan Haji Sulong bukan sahaja menimbulkan ketegangan di Selatan malah mendapat bantahan keras dari Tanah Melayu. Kerajaan Thai pimpinan Aphaiwong ditekan hebat oleh media cetak Tanah Melayu yang mendesak kerajaan Thai meredakan keadaan di selatan.³¹ Namun beliau telah menuduh akhbar-akhbar Tanah Melayu telah ‘mensensasikan’ masalah kecil di wilayah-wilayah Selatan.

²⁸ Nik Anuar Nik Mahmud, *Sejarah Perjuangan Melayu Patani*, hlm. 71.

²⁹ Ibid.

³⁰ Khoo Kay Kim, *Malay Society : Transformation & Democratisation* (Subang Jaya : Pelanduk Publications, 2001 cet. ke-3), hlm. 191-192. GEMPAR turut terlibat dalam gerakan politik di Tanah Melayu.

³¹ Kerajaan Siam telah menghantar Phraaya Ramajbhakdi, Ketua pengarah Kementerian Dalam Negeri, untuk membuat penyiasatan. Dalam satu kenyataan yang dikeluarkannya, Menteri Negeri menafikan bahawa kekacauan besar telah berlaku di keempat-empat wilayah di Dalam Negeri manafikan bahawa kekacauan besar telah berlaku di keempat-empat wilayah di Selatan, seperti yang didakwa oleh akhbar-akhbar dan pertubuhan politik Semenanjung Tanah Melayu (*Utusan Melayu* 31 Ogos 1948). Beliau mengakui bahawa beberapa kekacauan kecil telah berlaku di Selatan Siam. Bagaimanapun, tegasnya lagi, kekacauan itu dicetuskan oleh puak minoriti untuk kepentingan diri sendiri. Beliau menyalahkan akhbar-akhbar Tanah Melayu kerana secara sengaja membesar-besarkan keadaan di Selatan Siam.

Tindakan kerajaan Thai yang enggan mengakui bahawa terdapat kekacauan besar di sebelah Selatan menimbulkan kemarahan GEMPAR. Tengku Abdul Kadir Petra telah menghantar memorandum kepada Perdana Menteri Thai yang begitu tegas mencabar kerajaan Thai.³²

Nik Anuar Nik Mahmud menulis :

“Tengku Abdul Kadir Petra menegaskan bahawa: Kenyataan ini tidak benar dan menjelaskan maruah dan integriti kami. Kami mencabar pihak tuan mengemukakan bukti kepada dunia dengan mengadakan pungutan suara dengan dipengerusikan oleh pegawai-pegawai Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu tetapi kehadiran pegawai tentera dan awam kamu di kawasan yang hanya akan menakutkan penduduk yang tertindih itu.”³³

Tekanan turut dirasakan di Parlimen. Perjuangan masyarakat Melayu telah sampai ke peringkat nasional dan mendapat perhatian antarabangsa. Pada 5 Mac 1948, Senator Nai Banchong Sricaroon³⁴ telah meminta para pegawai Thai memikul tanggungjawab ke atas apa yang berlaku di wilayah-wilayah selatan. Terdapat tanggapan bahawa sikap keras para pegawai sebenarnya menimbulkan kemarahan orang Melayu.

³² Nik Anuar Nik Mahmud, *Sejarah Perjuangan Melayu Patani*, hlm. 74.

³³ Ibid.

³⁴ Beliau merupakan seorang ahli Parlimen beragama Islam. Nama Islamnya adalah Haji Wahab dan merupakan ahli Jawatankuasa Majlis Islam Pusat.

Kenyataan keras beliau boleh dilihat menerusi kenyataan :

“... pegawai-pegawai tersebut "tidak lebih daripada pengganas". Penduduk-penduduk tempatan telah ditindas dan dipersekusi, harta-benda mereka dirampas secara paksa, rumah mereka dibakar hangus; manakala bahasa, adat-resam dan agama mereka dicabuli. Tidak ada seorang pun daripada mereka berani untuk mengadukan kejadian ini kepada pihak kerajaan kerana bimbang pegawai-pegawai berkenaan membalaik denda.”³⁵

Dalam kenyataan lain, beliau menegaskan :

“Saya tahu bahawa saya dikehendaki membuktikan dakwaan saya itu tetapi sebagai seorang Muslim ... menjadi tanggungjawab saya untuk memberitahu Kementerian dalam Negeri tentang kedudukan sebenar bagi membolehkan mencari jalan untuk mengatasi keadaan itu ... Sesetengah daripada mereka yang memberi laporan itu kepada saya telah dibunuh dalam keadaan yang penuh misteri, sesetengahnya pula melarikan diri ke Tanah Melayu dan menyebarkan berita bahawa penduduk-penduduk di Patani telah diberi layanan buruk oleh kerajaan Siam. Ini bukanlah persoalan gerakan pemisahan atau rusuhan. Ini adalah kes ketidakadilan di pihak pegawai-pegawai kerajaan.”³⁶

Bertolak dari itu, Nai Banchong Sricharoon mendesak kerajaan supaya mengambil tindakan segera bagi menyelesaikan masalah-masalah di selatan. Sricharoon turut meminta kerajaan melantik individu menggantikan Chaem Promyong yang mengosongkan jawatan Chularajamontri. Khuang Aphaiwong dalam maklum balasnya bersetuju dengan pendapat tentang kewujudan suasana tegang di wilayah-wilayah selatan. Beliau berjanji akan

³⁵ Nik Anuar Nik Mahmud, *Sejarah Perjuangan Melayu Patani*, hlm. 75.

³⁶ Ibid., hlm. 75.

menubuhkan satu jawatankuasa khas bagi mencari punca konflik tersebut. Selain itu, siasatan rapi perlu dilakukan mengenai dakwaan kezaliman para pegawai kerajaan. Seterusnya, satu reformasi turut dijanjikan di mana masyarakat melayu akan diberi kebebasan beragama serta kezinan pengajaran Bahasa Melayu di sekolah-sekolah kerajaan.³⁷ Turut dijanjikan adalah pemecatan pegawai yang rasuah serta pengisian jawatan Chularajamontri.

Dari segi perlaksanaan, Menteri Pelajaran Seni Pramoj telah dilantik sebagai pengurusi jawatankuasa yang menyiasat suasana di wilayah-wilayah Selatan. Agenda utama mereka adalah untuk mengadakan pertemuan dengan Tengku Mahmood.

Sementara itu, GEMPAR agak ragu-ragu berkenaan ketelusan jawatankuasa suasana tersebut.³⁸ Mereka melabelkan jawatankuasa tersebut sebagai propaganda murahan kerajaan Thai.

Keraguan GEMPAR boleh dilihat menerusi :

"GEMPAR mengingatkan orang-orang Melayu supaya berhati-hati agar tidak tertipu dengan belah dan musihat pihak Siam ... Rakyat adalah diingatkan bahawa ini (perlantikan Suruhanjaya Khas) adalah tindak-tanduk diplomatik yang licin di pihak kerajaan Siam bagi tujuan mengambil hati orang-orang Melayu. Tawaran itu hendaklah ditolak oleh kerana apa yang kita tuntut ialah kebebasan beragama. Kita akan melayan mereka yang menerima tawaran itu sebagai pengkhianat bangsa."³⁸

³⁷ GEMPAR meragui sama ada jawatankuasa itu akan dapat memperoleh fakta-fakta sebenar daripada penduduk-penduduk tempatan mengenai keadaan di Patani. Lihat *Singapore Free Press*, 10 Mac 1948. Pengalaman yang lalu telah menunjukkan bahawa sebelum ketibaan satu-satu Jawatankuasa penyiasat scumpama itu, penduduk-penduduk tempatan telah ditekan dan diugut oleh pihak polis Siam tempatan supaya berbohong.

³⁸ Nik Anuar Nik Mahmud, *Sejarah Perjuangan Melayu Patani*, hlm. 74.

Namun, pergolakan dalam politik dalaman Thai telah menggugat perlaksanaan jawatankuasa tersebut. Golongan tentera pimpinan Jeneral Phin Chunhawan telah mendesak Aphaiwong agar meletak jawatan. Kerajaan pimpinannya dilihat lemah dan gagal menyelesaikan masalah dalaman Thai. Hasil dari tekanan tersebut, Aphaiwong telah meletak jawatan. Ini membolehkan Phibun yang sebelum itu menjadi Ketua Turus Tentera Darat kembali mengusai kerajaan Thai.

Kebangkitan Dusun Nyior

Kembalinya Phibun sebagai Perdana Menteri Thai menimbulkan tentangan hebat masyarakat Melayu di Selatan. Satu pemberontakan telah berlaku pada 26 April 1948 di Kampung Dusun Nyior³⁹ hanya beberapa minggu selepas Phibun kembali berkuasa.

Menurut fakta sejarah tempatan, ia tidak berlaku menerusi satu rancangan yang tersusun. Ianya disebabkan oleh tindakan anggota-anggota polis Thai yang menembak orang-orang Melayu yang sedang menghadiri kenduri pada 20 April 1948. Polis Thai menggunakan alasan yang orang-orang kampung telah bertindak ganas hingga mereka terpaksa berundur ke Tanjung Mas. Dalam laporan polis, dikatakan gerila Melayu seramai 1,000 orang telah merancang untuk memberontak.⁴⁰

Ia berlanjutan hingga 25 April 1948. Pihak polis dengan kekuatan 60 anggota telah dikerah ke Tanjung Mas. Dalam pada itu, penduduk kampung telah menyerang pasukan menghantar satu lagi pasukan polis ke sana pada 26 April 1948. Kali ini, pihak polis Thai telah bertindak keras dengan mengepung kampung tersebut. Mengikut laporan media,

³⁹ Kampong ini terletak di Tanjung Mas, dalam wilayah Narathiwat.

⁴⁰ Nik Anuar Nik Mahmud, *Sejarah Perjuangan Melayu Patani*, hlm. 77.

hampir 100 terbunuh atau cedera.⁴¹ Ramai yang ditangkap termasuklah penggawa Tanjung Mas, Kamnan Muhammad dan Mustapha dari Teluban. Kedua-dua dijatuhkan hukuman tembak tanpa melalui proses perbicaraan.⁴²

Dalam pada itu, GEMPAR yang bimbang keadaan yang meruncing di wilayah-wilayah Selatan telah mengutus satu memorandum meminta Phibun menyelesaikan masalah tersebut. Phibun bertindak dengan menghantar Timbalan Menteri Pendidikannya Abdullah Long Puteh ke wilayah Selatan bagi mewakili beliau berunding dengan masyarakat Melayu.⁴³

Justeru itu, satu pertemuan diadakan dengan Tengku Mahmood Mahyideen di Kota Bharu pada 7 Mei 1948. Dalam perbincangan tersebut, Abdullah Long Puteh meminta Tengku Mahmood untuk datang ke Bangkok bagi berbincang bagi pihak masyarakat Melayu. Tengku Mahmood meletakkan empat syarat utama yang perlu dipenuhi oleh kerajaan Thai.⁴⁴

Syarat pertama, Haji Sulong sebagai pemimpin utama masyarakat Melayu di keempat-empat wilayah tersebut, hendaklah dibebaskan bagi membolehkannya turut serta dalam perbincangan itu. Syarat Kedua, pemimpin-pemimpin Patani yang melarikan diri ke Tanah Melayu perlu dibenarkan pulang ke Thailand dengan diberi jaminan keselamatan.

⁴¹ Laporan akhbar *Straits Times* bertarikh 27 April 1948 dipetik dari Nik Anuar Nuk Mahmud, *Sejarah Perjuangan Melayu Patani*, hlm. 77.

⁴² Kekacauan yang meletus di Kampong Dusun Nyior tersebut menimbulkan keimbangan Tengku Mahmood Mahyideen. Kebimbangan beliau berasaskan kemungkinan puak pelampau akan mengambil kesempatan daripada keadaan itu untuk mencetuskan kekacauan yang lebih besar lagi. Tanpa persenjataan lengkap dan bantuan luar orang-orang Melayu tidak akan mampu lagi. Tanpa persenjataan lengkap dan bantuan luar orang-orang Melayu tidak akan mampu lagi. Tanpa persenjataan lengkap dan bantuan luar orang-orang Melayu tidak akan mampu lagi. Tanpa persenjataan lengkap dan bantuan luar orang-orang Melayu tidak akan mampu lagi. Tanpa persenjataan lengkap dan bantuan luar orang-orang Melayu tidak akan mampu lagi. Tanpa persenjataan lengkap dan bantuan luar orang-orang Melayu tidak akan mampu lagi. Tanpa persenjataan lengkap dan bantuan luar orang-orang Melayu tidak akan mampu lagi. Tanpa persenjataan lengkap dan bantuan luar orang-orang Melayu tidak akan mampu lagi. Tanpa persenjataan lengkap dan bantuan luar orang-orang Melayu tidak akan mampu lagi. Tanpa persenjataan lengkap dan bantuan luar orang-orang Melayu tidak akan mampu lagi. Tanpa persenjataan lengkap dan bantuan luar orang-orang Melayu tidak akan mampu lagi. Tanpa persenjataan lengkap dan bantuan luar orang-orang Melayu tidak akan mampu lagi. Tanpa persenjataan lengkap dan bantuan luar orang-orang Melayu tidak akan mampu lagi. Tanpa persenjataan lengkap dan bantuan luar orang-orang Melayu tidak akan mampu lagi. Tanpa persenjataan lengkap dan bantuan luar orang-orang Melayu tidak akan mampu lagi. Tanpa persenjataan lengkap dan bantuan luar orang-orang Melayu tidak akan mampu lagi. Tanpa persenjataan lengkap dan bantuan luar orang-orang Melayu tidak akan mampu lagi.

⁴³ Dikenali sebagai Che Lah atau Dato Che Lah.

⁴⁴ Nik Anuar Nik Mahmud, *Sejarah Perjuangan Melayu Patani*, hlm. 78.

Ketiga, kawalan polis di kampung-kampung hendaklah ditarik balik. Syarat keempat kerajaan Thai hendaklah membuat tawaran rundingan itu secara rasmi dan salinannya hendaklah dihantar kepada duta-duta British dan Amerika.⁴⁵

Jelas dalam syarat yang dikenakan, masyarakat Melayu memandang tinggi ketokohan dan kepimpinan Haji Sulong sebagai pejuang nasib masyarakat Melayu. Cadangan pertemuan Tengku Mahmood dan Phibun diajukan kepada kerajaan Thai. Malangnya, kabinet Thai menolak syarat-syarat yang telah ditetapkan.⁴⁶ GEMPAR merasa begitu kecewa dengan keengganan kerajaan Thai memenuhi syarat-syarat berkenaan.

Penindasan Terhadap Perjuangan

Walaupun dikenakan hukuman penjara selama 7 tahun, Haji Sulong hanya dipenjara selama 3 tahun 6 bulan. Beliau kemudiannya kembali ke Patani pada tahun 1952. Sepanjang tempoh dalam penjara Bang Kuang di Bangkok, Haji Sulong telah berjaya menulis empat buah buku berkaitan agama, politik dan riwayat hidup beliau.⁴⁷ Setelah dibebaskan pada tahun 1952 itu, Haji Sulong telah menyambung minat beliau dalam bidang pendidikan. Ceremah dan kuliah beliau tetap mendapat sambutan yang amat hebat kerana kelantangan dan keberanian beliau menyuarakan pendapat. Ahmad Fathy al-Fatani menjelaskan “pada hari beliau mengajar, bandar Patani dikatakan ramai dengan manusia dan jalan bersesak-sesak dengan kenderaan.”⁴⁸

⁴⁵ Ibid.

⁴⁶ Jemaah kabinet Thailand menganggap masalah orang-orang Melayu di Selatan merupakan masalah dalam negeri yang tidak memerlukan campurtangan asing.

⁴⁷ Ahmad Fathy al-Fatani, *Ulama' Besar Dari Patani*, hlm. 149.

⁴⁸ Ibid., hlm. 150.

Haji Sulong meneruskan aktiviti politiknya walaupun menyedari beliau sentiasa diawasi oleh kerajaan Thai. Beliau terus bekerjasama dengan Tengku Mahmood yang ketika itu telah melepaskan semua jawatannya dalam kerajaan Kelantan untuk menumpukan kepada aktiviti perniagaan beliau serta perjuangan membebaskan Patani.⁴⁹

Namun, pihak polis Thai yang sentiasa mengintip gerak geri Haji Sulong. Mereka begitu bimbang dengan pengaruh besar Haji Sulong ke atas masyarakat Melayu Patani. Justeru itu, kerajaan Thai mengarahkan Haji Sulong menghentikan kegiatan ceramah beliau pada penghujung tahun 1953.⁵⁰

Pihak polis kemudiannya mengeluarkan perintah supaya Haji Sulong dipanggil ke Senggora. Bunlert Lert Pichai Ketua Penyiasat Polis Thai telah meminta beberapa pemimpin Melayu termasuk Haji Sulong datang menemuinya.⁵¹ Haji Sulong dengan ditemani oleh anak beliau Ahmad sebagai jurubahasa, telah pergi menemui Bunlert pada 13 Ogos 1954. Sejak dari tarikh tersebut, tiada lagi berita tentang Haji Sulong kerana sejak pemergian beliau, mereka tidak pernah kembali. Malah, terdapat pendapat menyatakan bahawa Haji Sulong telah dibunuh pada waktu malam hari terakhir beliau kelihatan dan mayatnya telah dicampak ke Laut China Selatan.⁵² Pihak polis Thai mendakwa bahawa

⁴⁹ Ibid., hlm. 151.

⁵⁰ Ahmad Omar Chapakia, *Politik Thai dan Reaksi Masyarakat Islam*, hlm. 94.

⁵¹ Ahmad Fathy al-Fatani, *Ulama' Besar Dari Patani*, hlm. 151. Pemimpin lain yang turut diarahkan berjumpa dengan pihak polis adalah Che Ali Che Wok, Wan Osman bin Wan Ahmad dan Che Ishak bin Abbas.

⁵² Mat Rofa Ismail, "Khazanah Melayu : Cahaya Keselamatan Haji Sulong Patani'", *Jurnal Dewan Bahasa*, 41, Bil. 1, Jan. 1997, hlm. 550. Berdasarkan artikel tersebut, Haji Muhammad Amin bin Haji Sulong menyatakan mayat Haji Sulong dicampak ke laut sekitar Senggora (Songkhla).

Haji Sulong telah pulang selepas pertemuan tertutup dengan mengemukakan bukti yang Haji Sulong telah menandatangani buku rekod keluar polis di Songkhla.⁵³

Sejak itu , masyarakat Melayu Patani hilang pemimpin dan hilang kepimpinan yang mampu menyatukan pelbagai kelompok dan golongan dalam masyarakat. Pertubuhan-pertubuhan yang muncul selepas itu dilihat tidak mampu bersatu di bawah satu saf kepimpinan hingga membuatkan matlamat perjuangan berbeza antara satu sama lain.

⁵³ Ahmad Fathy al-Fatani, *Ulama' Besar Dari Patani*, hlm. 151.

KESIMPULAN

Buat pertama kali sejak tahun 1902, masyarakat Melayu Patani telah bersatu. Inspirasi kepimpinan Haji Sulong berjaya menyatukan masyarakat ke arah mengembalikan kegembilangan Patani sebagai sebuah masyarakat yang berilmu dan dalam menghadapi ancaman dan dasar-dasar kerajaan Thai yang begitu mengancam identiti agama, budaya dan bahasa masyarakat Melayu. Beliau telah menekankan bahawa untuk kembali gemilang, Islam perlu dijadikan sebagai asas perjuangan. Untuk itu, perubahan dan pembaharuan dari akar umbi perlu dilakukan.

Idea politik Islam telah memainkan peranan besar dalam mensucikan Islam dan mengembalikannya seperti yang asal. Kemurnian dan Islah dalam Islam inilah menjadi tunjang kekuatan politik Islam masyarakat Melayu Patani yang dipimpin oleh Haji Sulong.

Perjuangan beliau telah berjaya menyatukan semua golongan masyarakat. Bagi Haji Sulong, perjuangan berlandaskan Islam sebagai wadah lebih mudah diterima oleh masyarakat daripada perjuangan politik kebangsaan semata-mata. Kegigihan Haji Sulong begitu kental. Asuhan yang diterima dari para ulama yang muktabar memberi beliau satu asas yang kukuh. Kerana itu, tidaklah menghairankan bagaimana beliau boleh terlibat secara aktif dalam politik Islam. Sebagai ulamá yang progresif, adalah menjadi tanggungjawab beliau untuk menyebarkan Islam kepada masyarakat, mendidik mereka dalam memahami, menghayati dan mengamalkan syariat Islam yang sebenar. Ini sudah semestinya merangkumi semua aspek kehidupan termasuk dalam bidang politik ataupun sekurang-kurangnya peka dengan segala dasar yang dijalankan oleh kerajaan Thai terhadap mereka.

Perubahan yang dibuat oleh Haji Sulong ternyata dibuat secara sistematik dan berperingkat. Ini menunjukkan kepimpinan beliau yang penuh visi dan berkaliber. Bermula

dengan perubahan di peringkat asas seperti penggunaan wang zakat di mana Haji Sulong begitu tegas dalam pendiriannya walaupun mendapat tentangan hebat dari golongan ulamá tradisional. Masyarakat tempatan dapat menerima perubahan yang dibuat beliau. Ini diikuti dengan perubahan dalam bidang pendidikan. Beliau merupakan pengasas sistem madrasah, satu konsep pendidikan yang merangkumi kedua-dua bidang agama dan akademik. Bagi beliau, untuk berjaya masyarakat perlu menguasai kedua-dua bidang tersebut. Beliau turut memperbaiki sistem pondok yang agak ketinggalan di Selatan. Metodologi pengajaran yang berbeza membuatkan para pelajar yang mengikuti sistem pengajaran beliau dapat memahami apa yang dipelajari. Jelas berlaku perubahan dari amalan hafalan kepada pemahaman jitu ilmu yang dipelajari.

Penglibatan Haji Sulong dalam politik dapat dilihat apabila beliau menjemput Perdana Menteri Thai untuk merasmikan madrasah yang diasaskan beliau. Ini menunjukkan beliau seorang pemimpin politik yang berwawasan dan mempunyai rancangan strategik yang jitu. Kerjasama terhad dengan kerajaan Thai adalah perlu memandangkan masyarakat Melayu hanyalah golongan minoriti. Mereka perlukan bantuan dari kerajaan Thai yang membuat dasar. Tentangan tanpa ilmu dan rancangan yang tersusun tidak mampu membebaskan Patani. Ini telah terbukti sepanjang sejarah Kerajaan Melayu Patani di mana kondisi umat yang berpecah-belah dan ketandusan ilmu menjadi elemen utama kejatuhan kerajaan tersebut.

Penglibatan beliau dalam Majlis Agama Islam hingga dilantik menjadi Yang di-Pertua membuktikan semua golongan dalam masyarakat Melayu menerima kepimpinan beliau. Ini membolehkan beliau menuntut kembali hak-hak yang dirampas oleh kerajaan Thai. Tuntutan Tujuh Perkara yang diajukan kepada kerajaan Thai boleh dianggap sebagai tuntutan seluruh masyarakat Melayu di wilayah-wilayah Selatan yang bersatu di bawah

kepimpinan Haji Sulong hingga ada yang memberi nama memorandum tersebut sebagai ‘Tujuh Tuntutan Haji Sulong’.

Reaksi terhadap penangkapan beliau pada tahun 1948 jelas satu bukti betapa masyarakat Melayu menyanjungi kepimpinan beliau. Betapa orang Melayu sanggup berkorban nyawa berdemonstrasi menuntut beliau dibebaskan menjadi satu yang begitu membimbangkan pihak berkuasa Thai. Malah GEMPAR ditubuhkan atas persetujuan beliau dan perlantikan Tengku Mahmood Mahyideen sebagai ketua bagi mengetuai perbincangan dengan kerajaan Thai memerlukan persetujuan bertulis dari beliau sebelum diajukan kepada barisan kepimpinan Melayu di Selatan.

Buku *Gugusan Cahaya Keselamatan* merupakan satu khazanah Melayu yang amat penting dalam melihat perjuangan beliau. Ia merupakan satu catatan berwibawa berkenaan apa yang sebenarnya berlaku di Patani. Ia juga melambangkan pengorbanan seorang tokoh yang sanggup dipenjarakan demi agama dan bangsa tercinta.

Haji Sulong juga merupakan seorang pemimpin yang supranasional. Pengaruh beliau menjangkau sempadan. Amat jelas kelihatan sokongan dari negeri-negeri Melayu. Pertemuan beliau dengan wartawan Barbara Whittingham-Jones umpamanya menunjukkan mereka di Tanah Melayu turut mengikuti dan menyokong idea dan perjuangan beliau.

Misteri kehilangan beliau pada tahun 1954 masih belum terjawab. Namun kematian beliau tidaklah sia-sia. Kerajaan Thai yang terasa kesan perjuangan beliau sentiasa berhati-hati dalam menangani wilayah-wilayah Selatan. Terdapat dasar-dasar yang memberi kelebihan kepada masyarakat Melayu terutama berkenaan agama dan budaya yang tidak dinikmati oleh golongan minoriti lain di Thailand . Umpamanya dalam bidang pendidikan. Sekolah agama atau madrasah tetap dibenarkan beroperasi. Hingga ke hari ini terdapat sebanyak 134 madrasah yang menampung seramai 87,562 pelajar dan 3,597 guru. Sekolah-sekolah agama turut dibenar mengendalikan pengajian Islam sebanyak 648 jam

setahun. Ini bertujuan untuk menjaga hati masyarakat Melayu agar tentangan sehebat Haji Sulong tidak lagi muncul.

Masyarakat Melayu Patani masih mencari-cari pemimpin seperti Haji Sulong. Mereka memerlukan pemimpin seperti Haji Sulong yang dapat menyatukan pelbagai golongan dan fahaman dalam satu saf yang sama dan berkongsi niat yang sama iaitu memperjuangkan politik berteraskan Islam.

Haji Sulong telah dianggap sebagai ‘Bapa Gerakan Kemerdekaan Patani’ oleh gerakan-gerakan pembebasan Patani selepas itu. Beliau terus menjadi inspirasi dalam perjuangan membebaskan tanahair dan agama tercinta. *Gugusan Cahaya Keselamatan* telah menjadi semacam peniuup semangat. Sama ada secara aman atau sebaliknya, inspirasi dan idea beliau begitu dominan. Impak perjuangan beliau masih terasa hingga ke hari ini.